

NO. SOALAN: 76

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

RUJUKAN : 7644

SOALAN:

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris (Jerantut) minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil
oleh kerajaan terhadap balai-balai polis yang ditenggelami banjir di
seluruh Negara khususnya di Parlimen Jerantut.**

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bangunan polis yang terlibat dengan banjir di Daerah Jerantut adalah sebanyak 4 pondok polis iaitu Pondok Polis Jerantut Feri, Pondok Polis Damak, Pondok Polis Tebing Tinggi dan Pondok Polis Pampung Bantal. Akibat daripada banjir yang melanda Daerah Jerantut pada hujung tahun 2014 telah mengakibatkan kerosakan pondok-pondok polis seperti yang tersebut di atas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini pihak Kementerian dan PDRM sedang melaksanakan kerja-kerja pembaikan tersebut.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN
DARIPADA IDRIS [JERANTUT]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah halangan yang menyebabkan kemasukan pelajar ke tingkatan satu tidak dapat dijalankan pada tarikh sama untuk semua jenis sekolah di seluruh negara.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan tarikh permulaan sekolah adalah sama untuk semua jenis sekolah di seluruh negara mengikut kumpulan. Kumpulan A merangkumi sekolah-sekolah di negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor (cuti hujung minggu pada hari Jumaat). Sementara Kumpulan B pula merangkumi sekolah-sekolah di Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya (cuti hari minggu pada hari Ahad). Walau bagaimanapun kemasukan murid ke Sekolah Berasrama Penuh mungkin berbeza kerana urusan pemeriksaan kesihatan, urusan pendaftaran asrama, taklimat kepada ibu bapa dan lain-lain urusan yang berkaitan. Tarikh kemasukan yang berbeza juga dapat memastikan urusan pendaftaran tidak terjejas disebabkan kekangan ibu bapa menguruskan anak-anak lain pada hari pertama persekolahan.